

## Dasar Privasi

### **Privasi anda**

Halaman ini menerangkan dasar privasi yang merangkumi penggunaan dan perlindungan maklumat yang dikemukakan oleh pengunjung.

Sekiranya anda membuat transaksi atau menghantar e-mel yang mengandungi maklumat peribadi, maklumat ini mungkin akan dikongsi bersama dengan agensi awam lain untuk membantu penyediaan perkhidmatan yang lebih berkesan dan efektif. Contohnya seperti di dalam menyelesaikan aduan yang memerlukan maklum balas dari agensi-agensi lain.

### **Maklumat Yang Dikumpul**

Tiada maklumat peribadi akan dikumpul semasa anda melayari portal ini kecuali maklumat yang dikemukakan oleh anda melalui e-mel.

### **Apa yang akan Berlaku jika Saya Membuat Pautan kepada Laman Web yang Lain?**

Portal ini mempunyai pautan ke portal lain. Dasar privasi ini hanya terpakai untuk portal ini sahaja. Perlu diingatkan bahawa portal yang terdapat dalam pautan mungkin mempunyai dasar privasi yang berbeza dan pengunjung dinasihatkan supaya meneliti dan memahami dasar privasi bagi setiap portal yang dilayari.

### **Pindaan Dasar**

Sekiranya dasar privasi ini dipinda, pindaan akan dikemas kini di halaman ini. Dengan sering melayari halaman ini, anda akan dikemas kini dengan maklumat yang dikumpul, cara ia digunakan dan dalam keadaan tertentu, bagaimana maklumat dikongsi bersama pihak yang lain.

---

## Dasar Keselamatan

### **Perlindungan Data**

Teknologi terkini termasuk penyulitan data adalah digunakan untuk melindungi data yang dikemukakan dan pematuhan kepada standard keselamatan yang ketat adalah terpakai untuk menghalang capaian yang tidak dibenarkan.

## **Keselamatan Storan**

Semua storan elektronik dan penghantaran data peribadi akan dilindungi dan disimpan dengan menggunakan teknologi keselamatan yang sesuai.

---

### **Penafian**

Perbadanan Stadium Dan Kawasan Lapang Pulau Pinang tidak bertanggungjawab terhadap sebarang kehilangan, kerugian atau kerosakan yang dialami kerana menggunakan maklumat dalam laman ini.

Pihak tuan/puan adalah dinasihatkan untuk membuat semakan silang berkenaan maklumat-maklumat di dalam laman ini dengan pihak Perbadanan bagi tujuan pengesahan.

### **Penafian Terjemahan**

Terjemahan pada E-Tempahan Perbadanan Stadium Dan Kawasan Lapang Pulau Pinang adalah dibuat menggunakan proses berkomputer / sistem automatik daripada Google.

Pihak kami atau agensi dan kakitangan kami, tidak akan mengesahkan kesahihan, kebolehpercayaan, atau ketepatan maklumat yang diterjemahkan oleh sistem ini sepenuhnya dan seterusnya kami tidak akan bertanggungjawab pada sebarang kerugian kerana mempercayai dan bergantung kepada sistem ini sepenuhnya.

Hubungi, jika anda ingin memberi aduan mengenai kesalahan terjemahan.